

26 JAN 2003

Mahathir-Palestin (Bergambar)

MALAYSIA BAWA RAKYAT PALESTIN UNTUK TUNJUK PENDERITAAN

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Usaha akan dilakukan untuk membawa rakyat Palestin yang menjadi mangsa kekejaman Israel ke negara ini bagi menunjukkan penderitaan yang dialami mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata usaha itu dilakukan untuk menunjukkan kepada dunia kesengsaraan yang dialami rakyat Palestin akibat ditindas dan dizalimi oleh Israel selama ini.

Beliau berkata ia juga bertujuan menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa masalah Palestin tidak ada kena mengena dengan keganasan.

"Sebenarnya keganasan berlaku kerana rakyat Palestin tidak mendapat apa-apa pertolongan dalam usaha mereka merebut balik wilayah dan tanah air mereka," katanya semasa berucap pada Perhimpunan Keamanan dan Gerakan Anti Perang anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia, di di padang letak kereta Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang.

Perhimpunan itu dihadiri kira-kira 2,000 orang anggota parti politik, pertubuhan belia, badan bukan kerajaan (NGO) dan pelajar sekolah.

Perhimpunan itu diadakan selepas Perdana Menteri dan isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di Pangkalan TUDM itu selepas melakukan lawatan seminggu ke Lubnan, Mesir dan Davos di Switzerland di mana beliau menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Pada perhimpunan itu, Dr Mahathir turut diisytiharkan sebagai wira keamanan dunia.

Dr Mahathir berkata oleh kerana rakyat Palestin terus dizalimi serta dinafikan hak untuk menubuhkan negara sendiri, sebab itu ada rakyatnya ada yang memilih jalan keganasan.

"Sebab itu mereka bertindak ganas, sebab-sebab keganasan ini tidak ditangani dan diselesaikan, maka percayalah keganasan akan berterusan walau apapun tindakan diambil oleh negara-negara lain di dunia ini," katanya.

Lebih 2,000 rakyat Palestin dan 700 rakyat Israel terbunuh dalam pertelingkahan sejak meletusnya kebangkitan Intifada pada September 2000 berikutan lawatan Perdana Menteri Israel Ariel Sharon ke satu kawasan yang dipertikaikan di Baitulmuqaddis Timur.

Dr Mahathir berkata rakyat Palestin ditembak dengan peluru-peluru yang disaluti dengan bahan kimia dan akibatnya, ada mangsa mendapat pelbagai penyakit.

"Sebagai pencinta keamanan, kita bersimpati dengan rakyat Palestin," katanya.

Dr Mahathir berkata bagi menyelesaikan masalah kaum Yahudi di negara mereka sendiri, kuasa-kuasa Eropah selepas Perang Dunia Kedua telah membantu menubuhkan Israel dengan mengambil tanah Palestin.

Menurutnya rakyat Palestin tidak mempunyai senjata besar seperti helikopter pengebom seperti yang dimiliki oleh Israel.

"Mereka mempertahankan tanah air mereka dan apabila mereka tiada pilihan terpaksa menggunakan cara-cara lain. (Tetapi) Israel ada pilihan dan tidak perlu menggunakan keganasan, (dengan) berundur dari wilayah (yang diduduki) dan benarkan orang Palestin kembali ke negeri mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata ada kuasa besar yang mahukan Presiden Yasser Arafat berhenti memimpin rakyat dan negara Palestin.

"Tetapi mengapakah tidak Sharon juga diturunkan jadi Perdana Menteri Israel kerana keganasannya lebih besar," katanya.

-- BERNAMA

RV MFJ NAK